



اَوْبُوْ رَسِيْتِيْ تَتِيْكَوْ لُوْ كِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GARIS PANDUAN

GERAN INSENTIF PENYELIAAN (GIP) (PINDAAN TAHUN 2017)

Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI)

Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel: (+603) 5544 2138/8255/8290/8289
Faks: (+603) 5544 8280



Institute of Research Management
& Innovation

Communities of Research



SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	M/S
Visi dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
GERAN PENYELIDIKAN GERAN INSENTIF PENYELIAAN (GIP)	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan dan Jangka Masa Projek	4
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	4/5
4.0 Peraturan Kewangan	5
5.0 Peraturan Permohonan	5/6
6.0 Penilaian Geran	6
7.0 Pemantauan Penyelidikan	6
8.0 Etika dan Kerahsiaan	6
9.0 Hasil Pencapaian Penyelidikan	7

VISI DAN MISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

MISI

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

GERAN INSENTIF PENYELIAAN (GIP)

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Geran Insentif Penyeliaan (GIP) diwujudkan untuk membantu pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan) dengan menyediakan bantuan kewangan untuk elaun dan keperluan penyelidikan dalam tempoh pengajian bagi menyemarakkan pengajian pascasiswazah di Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- 1.2 Tujuan geran ini adalah untuk membangunkan sumber manusia serta memberi kesan kepada masyarakat melalui aktiviti penyelidikan. Ia melengkapi usaha-usaha yang diperkenalkan oleh UiTM untuk meningkatkan prestasi penyelidikan UiTM.

2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

- 2.1 Jumlah peruntukan maksimum projek adalah seperti berikut:
 - i. Kedoktoran : Tidak melebihi **RM 35,000**
 - ii. Sarjana : Tidak melebihi **RM 30,000**
- 2.2 Tempoh peruntukan adalah **dua belas (12) bulan** bagi setiap permohonan tertakluk kepada kajian semula selepas **enam (6) bulan** pertama kelulusan peruntukan.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM dengan syarat-syarat berikut:

- 3.1 Ketua Penyelidik mestilah ahli akademik tetap/kontrak di UiTM Selangor
- 3.2 Ketua Penyelidik mestilah merupakan Penyelia Utama kepada pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan)
- 3.3 Kriteria pelajar pascasiswazah yang diselia adalah seperti berikut:
 - a. Pelajar merupakan warganegara Malaysia.
 - b. Pelajar telah mendaftarkan diri sebagai pelajar sepenuh masa dibawah mod penyelidikan program kedoktoran atau sarjana.
 - c. Menyertakan surat pengesahan pendaftaran pengajian yang dikeluarkan oleh fakulti/PTJ masing-masing yang mengandungi maklumat penyeliaan.
 - d. Tidak menerima sebarang biasiswa atau bantuan kewangan daripada mana-mana organisasi untuk membiayai pengajian.

- 3.4 Sekiranya pelajar mendapat tawaran pembiayaan daripada mana-mana pihak semasa dalam tempoh penawaran ini, secara automatik lantikan sebagai pembantu penyelidik adalah terbatal.
- 3.5 Staf akademik yang cuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik.
- 3.6 Ketua Penyelidik mestilah menyumbang minimum RM 10.00 sebulan kepada Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan.
- 3.8 Sumbangan kepada Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM dikecualikan sekiranya Ketua Penyelidik mempunyai projek perundingan aktif yang berdaftar dengan IRMI.

4.0 PERATURAN KEWANGAN

- 4.1 Perbelanjaan projek adalah dihadkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik Pascasiswazah (GRA)
Vot21000	Perjalanan, penginapan dan pengangkutan
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik pulih kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas
Vot35000	Aksesori dan Peralatan

- 4.2 Bayaran Pembantu Penyelidik Pascasiswazah (GRA) tidak melebihi RM 1,500 bagi pelajar sarjana dan RM 1,800 bagi pelajar kedoktoran untuk sebulan. Peruntukan untuk pembayaran Pembantu Penyelidik (GRA/RA) mestilah dimasukkan di dalam Vot11000 dengan jumlah maksimum RM 18,000 bagi pelajar sarjana dan RM 21,600 bagi pelajar kedoktoran untuk setahun.
- 4.3 Kegagalan memenuhi perkara 4.2 boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 4.4 Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 4.5 Permohonan pembantu penyelidik (GRA) perlu dibuat melalui atas talian sistem iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis>).

5.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan GIP perlu menggunakan Borang Permohonan GIP yang boleh dimuat turun di laman web IRMI.

- 5.2 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh GIP dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.
- 5.3 Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan IRMI tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan di dalam negara sahaja. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM
- 5.4 Hanya Ketua Penyelidik yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:
- i) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan sahaja.
 - ii) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

6.0 PENILAIAN GERAN

- 6.1 Permohonan GIP akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI).
- 6.2 Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh IRMI kepada Ketua Penyelidik dan Ketua Jabatan.
- 6.3 Ketua Penyelidik perlu menandatangani borang penerimaan yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.

7.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 7.1 Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI).
- 7.2 Penyelidik mesti menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem iRMIs dan menyertakan bukti sumbangan Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM sepanjang tempoh geran aktif.
- 7.3 Kegagalan memenuhi perkara 7.2 boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 7.4 Pihak IRMI akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 7.5 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan Institut Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (IRMI).

8.0 ETIKA DAN KERAHSIAAN

8.1 Semua penyelidik mestilah mematuhi etika penyelidikan dan kerahsiaan data.

9.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

9.1 Penyelidik mesti menerbitkan satu (1) penerbitan berindeks SCOPUS / WOS / ERA.

9.2 Penghargaan kepada GIP mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.